

Andaian huru-hara hanya untuk timbulkan keraguan

Oleh MOHD. RADZI

MOHD. ZIN
UM 30 JUN 2003

KOTA KINABALU 29 Jun — Naib Presiden UMNO, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, andaian berlaku huru-hara ekonomi dan politik di Malaysia selepas pengunduran Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada Oktober ini dilakukan untuk menimbulkan keraguan rakyat terhadap kerajaan.

Katanya, andaian itu juga mungkin dilakukan oleh pihak yang tidak menyokong kerajaan bertujuan menghakis keyakinan terhadap kepemimpinan negara.

Bagaimanapun, jelasnya, sejarah telah membuktikan yang peralihan kepemimpinan UMNO sebagai tunjang kerajaan tidak sedikitpun menjejaskan

kestabilan negara malah mempertingkatkan lagi usaha kerajaan untuk membela nasib rakyat dan membangunkan ekonomi negara.

Katanya, hal itu telah dibuktikan sejak peralihan kepemimpinan bermula dari zaman almarhum Tunku Abdul Rahman Putra sehinggalah kepada kepemimpinan Perdana Menteri sekarang di mana negara telah bertambah maju.

“Jadi saya tidak fikir agak perlu kalau ada yang membuat andaian yang tidak baik. (Peralihan kuasa) Malaysia kita aman, teratur, terancang dan licin.

“Pemimpin yang dinamakan ialah Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, seorang yang berpengalaman dan memahami cita rasa rakyat,” katanya

yang juga Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Muhyiddin berkata demikian selepas melancarkan konvensyen Sukarelawan Pemantauan Harga (SPH) peringkat negeri Sabah 2003 di sini, hari ini.

Semalam, Abdullah memberi jaminan tidak akan berlaku huru-hara ekonomi dan politik di negara ini selepas pengunduran Dr. Mahathir pada Oktober ini.

Kata Abdullah, walaupun akan berlaku perubahan pada pucuk pimpinan ia tidak bermakna akan berlaku perpecahan dalam pentadbiran politik dan ekonomi negara kerana semua pihak telah berjanji memberikan sokongan kepada pimpinan baru.

Muhyiddin berkata, ti-

akan membantu kepimpinan untuk menjalankan tugas bagi memaju negara ke tahap yang lebih baik,” jelasnya.

Mengenai UMNO di Sabah, Muhyiddin berkata, parti itu tidak boleh mengambil mudah atau bersikap sambil lewa walaupun situasi politik di negeri itu member-i kelebihan kepada mereka.

S “Walaupun situasi di Sabah cukup baik di mana kekuatan UMNO dan Barisan Nasional macam tidak tergugat dan pembangkang boleh dikatakan amat lemah, kita tidak boleh ambil mudah.

“Yang penting tumpukan usaha menguatkan parti dan jangan mensabotaj yang boleh menyebabkan calon kita tewas dalam pilihan raya,” tambahnya.

dak harus wujud kesangsian terhadap jaminan oleh Abdullah itu sebaliknya ia harus diterima dengan baik oleh seluruh lapisan masyarakat.

“Kita juga telah memberi keyakinan penuh